

Oleh Faizatul Farlin
Farush Khan
ffarlin@hmetro.com.my

Di Malaysia, dianggarkan empat dalam setiap lima kanak-kanak berisiko menghadapi alahan apabila kedua-dua ibu bapa mereka didapati menghidapinya dan ia semakin berleluasa hingga ke tahap epidemik kerana tiada penawar. Manakala, di seluruh dunia pula, lebih 300 juta menghadapi sekurang-kurangnya satu jenis alahan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), asma adalah alahan kronik kanak-kanak yang paling lazim ditemui, dengan tujuh juta kanak-kanak terjejas kesihatannya akibat penyakit teruk itu.

Di Asia saja, kadar peningkatan penyakit yang berpuncak daripada alahan sangat ketara sejak 10 tahun lalu dengan peningkatan kes asma daripada 0.8 peratus kepada 29.1 peratus. Kes alahan resung pula meningkat daripada lima peratus kepada 45 peratus dalam tempoh sama. Angka itu dijangka terus meningkat, namun faktor penyebab peningkatan masih belum ditemui.

Bagi menangani kebimbangan umum mengenai isu alahan ini yang semakin meningkat, Persatuan Alergi & Imunologi Malaysia (MSAI) memulakan inisiatif 'Negara Bebas Alahan' di peringkat kebangsaan.

Inisiatif itu bertujuan mengubah landskap alahan di negara ini di samping menumpukan perhatian kepada bagaimana alahan dikenal pasti dan diagnosis.

Presiden MSAI, Dr Amir Hamzah Abdul Latiff berkata, terdapat kesukaran dalam menangani isu alahan di Malaysia. Walaupun penyakit yang berpuncak daripada alahan semakin meningkat, kekurangan data menjadi antara penghalang kepada penyelidikan yang boleh digunakan untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam isu berkenaan.

"Kes alahan yang semakin meningkat memberi petanda bahawa semua orang mempunyai risiko mengalami alahan. Inisiatif 'Negara Bebas Alahan' adalah ikrar kami dan MSAI yang percaya bahawa ia boleh dicapai apabila kami dapat lebih memahami rakyat Malaysia dan hubung kait dengan situasi alahan."

"Bagi MSAI, semua orang berhak menjalani kehidupan di negara yang bebas alahan dan dalam usaha menjadikannya suatu realiti, kita harus ber-

KURANGI RISIKO ALAHAN

MSAI jalan kaji selidik tingkat kesedaran masyarakat




DR AMIR (tengah) dan Dr Intan Hakimah pada pelancaran kaji selidik menangani masalah alahan di negara ini.

mula dari sekarang," katanya pada pelancaran inisiatif itu baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Jabatan Pediatric Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Intan Hakimah Ismail yang turut bekerjasama dalam Kaji Selidik Kesedaran Terhadap Alahan di Malaysia.

Kaji selidik itu adalah yang pertama di Malaysia dan berada pada tahap fasa pertama dalam inisiatif Negara Bebas Alahan.

Menurut Dr Amir, agak ironik apabila sesuatu yang

pada mulanya adalah mekanisma pertahanan sistem imun diri berubah menjadi satu daripada penyakit kanak-kanak yang semakin lazim berlaku.

"Bukan itu saja, ia turut menjelaskan kualiti hidup seseorang. Kesimpulannya, alahan adalah kecelaruan pengaturcaraan sistem imun yang boleh mendatangkan kesan buruk," katanya.

Sementara itu, Dr Intan Hakimah yang juga bertindak sebagai Ketua Penyiasat Kaji Selidik Kesedaran Ter-

hadap Alahan di Malaysia oleh MSAI turut membentangkan objektif kaji selidik terbabit.

Menurutnya, memandangkan penyakit alahan dan impak sosioekonomi alahan mempunyai kesan mendalam terhadap kualiti kehidupan individu, ketika ini adalah masa tebaik untuk menjalankan kaji selidik ini.

"Hasil kajian ini membolehkan kita berkongsi amalan terbaik dengan pengamal perubatan profesio-

nal lain di samping menjalankan program kesihatan awam yang merapatkan jurang pendidikan untuk penyakit alahan," katanya.

Kaji selidik itu menyasarkan kira-kira 10,000 responden terdiri daripada lelaki dan wanita berusia antara 22 hingga 40 tahun untuk menilai hubung kait mereka dengan alahan di peringkat individu.

Ia kini dijalankan di lebih 250 klinik pediatrik dan pakar sakit puas seluruh negara selain 40 pusat perkembangan kanak-kanak di Lembah Klang selain secara talian di laman web MSAI.

Data yang dikumpul akan dianalisis oleh pasukan pengkaji di UPM di bawah bimbingan Dr Intan Hakimah dan hasilnya dijangka diumumkan MSAI pada Minggu Alahan Sedunia yang akan berlangsung pada 4 hingga 10 April ini.

Menurut Dr Amir, kaji selidik itu hanyalah permulaan kerana dalam fasa kedua, MSAI akan membangunkan Pelan Tindakan

Antara kesan alahan ialah kegatalan pada mata dan berwarna merah.

A lan han Ma laysia. Pelan tindakan itu akan memperkasakan MSAI, UPM dan pengamal perubatan profesional di seluruh negara untuk mengurangkan kos rawatan berkaitan pengurusan alahan dan membangunkan program khas dalam komuniti masing-masing.

"Ia bertujuan mengurangkan pencegahan alahan dan seterusnya memperbaiki kualiti kehidupan ratusan ribu rakyat Malaysia. Ambil langkah pertama dan bantulah kami dalam menjadikan Malaysia sebuah negara bebas alahan dengan menyertai kaji selidik itu."

"Setiap maklum balas akan membantu kami memahami tahap kesedaran alahan dengan lebih baik. Maklumat yang diberikan bakal membantu kami mengurangkan risiko alahan untuk generasi masa depan," katanya.

Kaji selidik itu boleh disertai dengan melayari laman web www.AllergyFreeNation.com

